

PROSES PEMFAILAN DOKUMEN BAGI PETISYEN PENERIMAAN MASUK PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA MENURUT SEKSYEN 15 DAN 16 AKTA PROFESYEN UNDANG-UNDANG 1976 (AKTA 166)



Dokumen ini tidak boleh diekstrak

Hardcopy Borang 2 (32 salinan) hendaklah **diserahkan ke Kaunter** Petisyen Penerimaan Masuk Peguambela & Peguamcara untuk penampalan



Hanya Borang 3 sahaja boleh diekstrak



Hanya Notis Perbincaraan dan Sijil Pengesahan Dokumen sahaja boleh diekstrak

**PROSES PEMFAILAN DOKUMEN BAGI PETISYEN
PENERIMAAN MASUK PEGUAMBELA DAN
PEGUAMCARA MENURUT SEKSYEN 15 DAN 16 AKTA
PROFESYEN UNDANG-UNDANG 1976 (AKTA 166)**

PERINGATAN

1. Petisyen (Borang 1), Afidavit, dan Notis (Borang 2) hendaklah difailkan secara **berasingan** mengikut fi pemfailan yang telah ditetapkan. Jika tidak, kesemuanya boleh ditolak sekaligus dan Pempetisyen perlu memfailkan kesemuanya dengan pemfailan dan bayaran baru.
2. *Document type* untuk **Borang 3** adalah **Saman Dalam Kamar**. Sekiranya Pempetisyen memfailkan Saman Pemula, dokumen tersebut akan ditolak.
3. Pempetisyen yang menjalani Latihan Dalam Kamar di **negeri selain** daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor, Saman Dalam Kamar (Borang 3) hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi **negeri tersebut**.
4. Seksyen 16 Akta 166 mewajibkan Pempetisyen yang telah memfailkan Notis Bicara dan Sijil Pengesahan Dokumen untuk **membuat pengesahan** dokumen asal dengan menyerahkan semua dokumen asal yang berkaitan kepada Kaunter Penerimaan untuk pemeriksaan dalam masa 7 hari daripada pemfailan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penolakan terhadap Notis Bicara dan Sijil Pengesahan Dokumen tersebut.
5. Kesemua dokumen yang telah difailkan hendaklah dibuat serahan (service) kepada Jabatan Peguam Negara Malaysia, Majlis Peguam Malaysia dan Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur/Selangor.